



NEWSLETTER

DOSM/BPP/4.2022/SERIES 47

SURVEI EKONOMI TAHUNAN 2022 (AES 2022)

1. Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah melanda negara sejak awal tahun 2020 bukan sahaja menjejaskan ekonomi Malaysia malah juga ekonomi dunia.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP/ PKPB/ PKPP/ PKPD) bermula 18 Mac 2020 telah memberi kesan langsung ke atas pertumbuhan perniagaan sama ada menyebabkan penutupan operasi pertubuhan secara sementara atau kekal, perubahan *business model*, pemberhentian pekerja, kemunculan pertubuhan/ industri baharu atau berlakunya perubahan/ pertukaran industri dalam jangka masa pendek.

Sehubungan itu, bagi mendapatkan maklumat yang tepat kesan pandemik ini ke atas ekonomi negara, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bagi Tahun Rujukan 2021 mulai 15 April 2022 hingga 30 September 2022. Maklumat lanjut berkaitan survei ini boleh didapati melalui laman web rasmi DOSM di www.dosm.gov.my.



2. Objektif AES 2022

1. Mengumpul maklumat pertumbuhan, sumbangan, komposisi & taburan output, nilai ditambah, guna tenaga dan pemboleh ubah lain bagi sektor ekonomi utama.



2. Mengumpul kesan pandemik COVID-19 terhadap pertumbuhan perniagaan, ekonomi digital, kemudahan pembiayaan, inovasi dan R&D, perlindungan alam sekitar dan persediaan industri ke arah teknologi dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

3. Digunakan sebagai input oleh kerajaan bagi menilai pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) terutamanya berkaitan Tema 1.

4. Membolehkan kerajaan menggunakan data AES bagi menstrukturkan semula ekonomi Malaysia sesuai dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).



3. Kuasa Perundangan

Pengumpulan data AES 2022 adalah tertakluk kepada Akta Perangkaan 1965 (Disemak – 1989)




4. Skop & Liputan Pertubuhan


Meliputi **1,095** industri 5 digit yang menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 Ver. 1.0 selaras dengan penggunaan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) Ver. 4 yang dikeluarkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD).



5. Unit Statistik & Pelaporan

- **Pertubuhan** sebagai pelaporan 
- Ditakrifkan sebagai “**satu unit ekonomi**” yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ianya menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat / lokasi fizikal.
- Bagi pertubuhan yang menjalankan **pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama adalah terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza.**
- Organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan antara satu sama lain

5 Sektor Utama AES adalah seperti berikut:




Sebanyak **110,000 pertubuhan perniagaan** di Malaysia terpilih dalam AES 2022 ini.

6. Metodologi Pengumpulan Data

Mel / E-mel 

Dalam talian (Sistem e-AES) 

Temu ramah bersemuka 

7. Maklumat Yang Dikumpul

A) Soalan Umum



B) Modul Daya Saing



8. Laporan dan Penerbitan

1 laporan dan **21** penerbitan akan dikeluarkan daripada data AES yang diperolehi iaitu:

- 1** laporan awalan
- 15** penerbitan subsektor
- 5** penerbitan sektor
- 1** penerbitan keseluruhan ekonomi



Sehubungan itu, DOSM mengharapkan kerjasama pertubuhan perniagaan memberikan maklumat yang lengkap dan tepat bagi memastikan semua perancangan yang dirangka berada pada landasan yang betul.

